

## Psikologi jadi penghalang peserta negara



SKUAD silat negara berupaya mengatasi Indonesia di segi pungutan pingat emas di Sukan SEA XV, Ogos ini jika berupaya mengatasi kelemahan psikologi dan taktik.

Pengurus skuad Sukan SEA, Haji Shafie Abdul Rahman, berkata dua kelemahan ketara itu akan diatasi di latihan pusat dua minggu bermula 6 Jun ini, untuk mengimbangi keupayaan pesilat dari segi kecergasan

fizikal.

21 MAY 1989

Katanya kelemahan psikologi masih wujud di kalangan pesilat-pesilat negara kerana ada di kalangan mereka masih beranggapan peserta Indonesia terlalu handal dan sukar ditundukkan.

"Saya yakin jika masalah ini dapat diatasi, tiada sebab mengapa skuad silat kebangsaan gagal mengatasi Indonesia dari segi kutipan pingat emas," katanya,

B. Minggu (M)

Menurut Haji Shafie, sebenarnya, Indonesia sendiri bimbang dengan peningkatan pesilat negara berdasarkan beberapa kejohanan bertaraf antarabangsa sebelum ini.

Difahamkan, panel juruleta silat mula mengenal pasti dua kelemahan berkenaan ketika pelatih-pelatih menjalani latihan pusat peringkat kelima di Kota Bharu, Februari lalu.